

Malaysia menjadi antara negara membangun dengan keunikan pelbagai budaya dan berbilang bangsa.

Semangat kebangsaan wujud dalam diri rakyat Malaysia kesan daripada penjajahan.

Memahami hikmah di sebalik penjajahan kuasa asing

Pelbagai sistem diperkenal, pemodenan ekonomi, cara hidup ubah landskap Tanah Melayu



HASNAH HUSSAIN

hasnah@ump.edu.my

Ummu menyedari bahawa Tanah Melayu dijajah beberapa kuasa asing bermula dengan Portugis, Belanda, British, Jepun dan British semula. Dalam hal ini, apa yang kita lihat adalah penjajahan British memakan masa lebih lama berbanding Portugis, Belanda dan Jepun.

Pemabitan British dalam hal ehwal sosio ekonomi Tanah Melayu berlaku

seawal 1786 dan terhenti seketika selepas penjajahan Jepun di Tanah Melayu yang bermula pada 1942-1945. Selepas kekalahan Jepun, British balik semula ke Tanah Melayu pada 1946 sehinggalah akhir 1957 apabila pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Portugis dan Belanda pula hanya tertumpu di Melaka dan berpapak di situ dalam beberapa dekad sahaja.

Antara perkara yang dirasakan kurang disentuh dalam mempelajari penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu ialah kesan positif di sebalik penjajahan tersebut.

Munculnya semangat kebangsaan

Semangat kebangsaan atau semangat cintakan bangsa dan negara adalah sifat yang perlu ada dalam semua individu yang mengangap dirinya warga negara ini. Semangat ini akan terus berkembang dalam jiwa anak bangsa selagi mana ada kuasa tertentu yang cuba mengganggu gugat negara, agama dan bangsanya.

Dalam konteks penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu, ia memberikan sumbangan yang amat besar kepada berkembangnya semangat nasionalisme penduduk di negara ini. Asal usul bangkitnya semangat ini adalah kerana tindakan penjajah membawa masuk bangsa asing ke Tanah Melayu untuk bekerja di ladang getah dan lombong bijih timah dan juga perkembangan sistem pendidikan yang me-

nyedarkan bangsa Melayu untuk bangun menentang kuasa asing yang begitu rakus menyoal hasil mahsul negara ini.

Paling awal adalah penentangan terhadap penjajahan British oleh beberapa individu seperti Datuk Bahaman, Tok Jangcut, Mat Kilau, Mat Salleh, Datuk Maharajalela dan lain-lain lagi. Peringkat kedua penentangan terhadap penjajahan British dilakukan oleh golongan yang berpendidikan agama, Melayu dan Inggeris.

Pendudukan Jepun menaikkan lagi semangat nasionalisme penduduk Tanah Melayu untuk menentang penjajah. Dalam hal ini, pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1942-1945 memberi keyakinan bahawa orang Asia mampu menentang orang Barat yang dikatakan kuat dan berpengaruh. Ia juga memberi impak kepada penduduk Tanah Melayu untuk berjuang mempertahankan tanah air disebabkan slogan yang dibawakan oleh tentera Jepun iaitu Asia untuk orang Asia.

Orang Melayu mula bersatu

Tidak keterlaluan jika dikatakan penjajahan British menjadi antara faktor penting yang menyebabkan orang Melayu pada ketika itu untuk bersatu. Orang Melayu pada waktu itu tidak bergaduh atau berkonflik cuma mereka hidup secara terasing dan mengikut kenejeran. Malah, persatuan

Melayu ketika itu bercorak kenejeran seperti Persatuan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Kelantan, Persatuan Melayu Perak dan Persatuan Melayu Pahang.

Dalam hal ini, penjajahan British berjaya menyatupadukan seluruh penduduk Tanah Melayu. Buktiinya adalah wujudnya penentangan orang Melayu secara besar-besaran terhadap pengenalan Melayu Union pada 1946. Berikutan itu, terbentuklah UMNO pada 1948.

Berkembangnya sekolah vernakular

Melayu dan Inggeris Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, penduduk Tanah Melayu sudah mempunyai sistem pendidikan sendiri iaitu pendidikan agama dan sekolah pondok. Pada waktu itu, pendidikan secular belum diperkenalkan lagi dalam kalangan masyarakat Melayu. Selepas kedatangan penjajah British, beberapa sekolah vernakular diperkenalkan seperti Penang Free School, yang juga sekolah Inggeris pertama dibina di Tanah Melayu. Selain itu, ada juga sekolah Melayu, Cina dan Tamil dibina untuk kemudahan penduduk Tanah Melayu merapatkan pendidikan.

Pendidikan tinggi untuk orang Melayu diadakan oleh pihak British menerusi penubuhan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MKCK) dan Maktab Pendidikan Sultan Idris (MPSI).

Penubuhan sekolah Inggeris pada waktu itu memberi peluang kepada penduduk Tanah Melayu mempelajari

“Pernahkah kita memikinkan bagaimanakah masyarakat majmuk terbentuk dan siapakah yang bertanggungjawab di atas kemunculan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini?”

PERIGI PORTUGIS

Perigi Portugis menjadi tarikan pelancong di Jalan Peranakan Samak, Merlimau Pantai, Jasin.

